

23 APR 2001

LEAD DAIM-CUTI

SAYA HANYA MAHU BEREHAT, KATA DAIM

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin hari ini berkata beliau mengambil cuti selama dua bulan kerana mahu berehat.

"Adakah saya tidak layak untuknya (bercuti)?" katanya semasa ditanya sebab beliau mengambil cuti pada masa ini.

Daim berkata demikian kepada pemberita selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat di sini.

Pada 19 April, Dr Mahathir mengesahkan yang Daim mengambil cuti selama dua bulan.

Beliau berkata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz akan mewakili Daim dalam Kabinet.

Kepada satu soalan sama ada cutinya adalah satu prelud baginya meninggalkan kerajaan, Daim cuma berkata: "saya sedang bercuti."

Daim turut ditanya sama ada lawatannya ke AS bulan depan akan membabitkan pameran bergerak untuk memperolehi bon.

Kepada soalan itu, katanya beliau akan berada di AS bulan depan untuk menghadiri mesyuarat tahunan Bank Pembangunan Asia (ADB) di Honolulu.

Pada mesyuarat itu, Asean dan tiga kuasa ekonomi rantau Asia, Jepun, Korea Selatan dan China, dijangka merumuskan satu rangka kerja mengenai Persetujuan Pertukaran Dua Hala juga dikenali sebagai Inisiatif Chiangmai.

-- BERNAMA

MOT FR NHD/OS OS